

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Monday, 11 May, 2020 12:55 PM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: Fw: UUM Prihatin: Lebih 2,000 Hand Sanitizer Untuk Petugas Barisan Hadapan Dan B40

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 21 April 2020 12:13

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: UUM Prihatin: Lebih 2,000 Hand Sanitizer Untuk Petugas Barisan Hadapan Dan B40



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2020 / 27 SYAABAN 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM PRIHATIN: LEBIH 2,000 HAND SANITIZER UNTUK PETUGAS BARISAN HADAPAN DAN B40



UUM ONLINE: Terus berbakti! Universiti Utara Malaysia (UUM) tanpa lelah berterusan membantu petugas barisan hadapan yang sedang berjuang untuk mencegah penularan pandemik Covid-19 apabila Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) dengan kerjasama Food Security, Innovation and Development Research (FInDER) telah menghasilkan cecair basmi kuman atau *hand sanitizer*.

Pengarah FInDER, Dr. Risyawati Mohamed Ismail berkata, dia mensasarkan sebanyak 2,000 botol *hand sanitizer* di bawah projek '*Function of Science*' akan dihasilkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Menurutnya, bahan untuk menghasilkan cecair basmi kuman itu dibekalkan oleh badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Global Innovation through Science and Technology (GIST) yang melibatkan enam universiti awam lain dengan tujuan meringankan beban petugas barisan hadapan yang berkhidmat membendung Covid-19.

Katanya, dalam sehari dianggarkan sebanyak 500 botol cecair basmi kuman dapat dihasilkan dengan bantuan tiga pensyarah bersama dua pelajar Sarjana dan PhD.

"Cecair basmi kuman yang mengandungi 80ml setiap botol ini dihasilkan mengikut spesifikasi Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) yang tidak mempunyai sebarang campuran bahan lain yang tidak dibenarkan, malah formula yang diluluskan WHO ini juga dibuktikan mampu membunuh Covid-19.

"Selain dihasilkan untuk petugas barisan hadapan seperti polis dan Pejabat Kesihatan Negeri, *hand sanitizer* ini juga akan dibekalkan kepada golongan B40 di Kedah yang tidak mampu untuk membelinya berikutan peningkatan harga jualan yang tinggi," katanya.

Dr. Risyawati berkata, UUM berbesar hati untuk membantu petugas barisan hadapan ini dan juga golongan B40 dalam usaha menangani penularan wabak Covid-19.

Menurutnya, usaha untuk membekalkan *hand sanitizer* tersebut akan dilakukan secara berterusan walaupun tempoh PKP akan tamat dan ia merupakan sebahagian daripada khidmat UUM kepada masyarakat.

FInDER merupakan pusat penyelidikan di bawah Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) yang berfokuskan penyelidikan dalam bidang jaminan makanan, inovasi dan pembangunan dan unikunya, FInDER memiliki kedua-dua jenis kepakaran iaitu teknikal dan pengurusan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad turut meluangkan masa melawat proses penghasilan *hand sanitizer* tersebut di Makmal FInDER, STML bersama Pengarah ICC, Prof. Dr. Razamin Ramli.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.